

## SOALAN LAZIM

No	Soalan	Jawapan
1	Apakah Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC)?	Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC) merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh sesetengah peniaga, laman sesawang/web atau mesin ATM luar negara yang menawarkan pilihan untuk pembayaran pembelian luar negara (termasuk transaksi atas talian) atau pengeluaran wang tunai dalam Ringgit Malaysia (RM).
2	Apakah contoh-contoh laman sesawang/web yang dikendalikan oleh peniaga di luar negara yang menggunakan DCC bagi bayaran?	Berikut adalah beberapa contoh laman sesawang yang dikendalikan oleh peniaga luar negara atau gerbang pembayaran peniaga yang terletak di luar Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> <li>• AIRBNB</li> <li>• AGODA</li> <li>• SPOTIFY</li> <li>• NETFLIX</li> <li>• APPLE.COM</li> <li>• TIKTOK</li> <li>• GOOGLE</li> <li>• BOOKING.COM</li> </ul>
3	Apa yang berlaku jika saya membuat transaksi melalui DCC?	Apabila anda memberi kebenaran kepada peniaga untuk membuat transaksi melalui DCC, peniaga akan menukar jumlah pembelian kepada RM di terminal peniaga dengan serta merta (semasa pembelian). Pembelian ini akan ditransaksikan dalam RM dan akan didebitkan terus dari kad kredit/akaun simpanan/akaun simpanan-i/akaun semasa/akaun semasa-i anda sebagai RM dan bukan mata wang asing.  Resit dari peniaga akan memaparkan jumlah dalam RM yang ditukar dan kadar penukaran mata wang asing yang dikenakan oleh peniaga.  Harap maklum bahawa kadar penukaran mata wang asing yang dikenakan oleh pedagang yang biasanya lebih tinggi daripada kadar penukaran mata wang asing yang ditentukan oleh VISA/Mastercard apabila anda memilih untuk membuat pembayaran dalam mata wang asing.

4	Bolehkah saya memilih untuk tidak melakukan transaksi saya melalui DCC?	<p>Boleh. Apabila anda berada di luar negara, anda boleh memilih untuk melakukan transaksi dengan DCC atau mata wang asing/tempatan. Jika sesetengah peniaga telah memilih DCC secara automatik untuk melaksanakan transaksi dan anda tidak ingin meneruskan transaksi, anda boleh membatalkan transaksi tersebut dan membuat semula transaksi tersebut dengan mata wang asing/tempatan.</p> <p>Untuk transaksi melalui atas talian (online), sesetengah laman sesawang akan memberi opsyen untuk pelanggan pilih mata wang untuk bayaran. Namun begitu, pilihan ini mungkin tidak dipaparkan kepada pelanggan secara terus terang. Sebegini, adalah terbaik untuk pelanggan meneliti opsyen bayaran yang ditawarkan dalam laman sesawang/web tersebut sebelum membuat bayaran.</p>												
5	Bagaimana pengiraan fi DCC dibuat?	<p>Fi DCC dikira berdasarkan 1% dari jumlah transaksi dalam RM.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pemegang kad telah pergi ke Singapura dan memutuskan untuk membeli sepasang kasut bernilai SGD1,000 di Happy Shoes Outlet, Singapura. Sebagai kemudahan, pemegang kad telah memilih perkhidmatan DCC dan bayaran dibuat menggunakan kad kredit. peniaga meneruskan transaksi DCC dan mengenakan kadar pertukaran (termasuk caj tambahan) SGD1 = RM3.05. Jumlah transaksi terakhir yang akan dikenakan kepada kad pemegang kad adalah RM3,050.00.</p> <p>Fi DCC adalah 1% dari RM3,050.00, iaitu sebanyak RM30.50.</p>												
6	Bila saya akan dikenakan fi DCC?	<p>Fi DCC 1% akan ditunjukkan dalam penyata bulanan pada bulan berikutnya.</p> <p>Merujuk kepada contoh di atas (No 5), transaksi dan fi akan ditunjukkan di dalam penyata bulanan kad kredit pada bulan berikutnya seperti di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="676 1092 2061 1219"> <thead> <tr> <th>Tarikh Transaksi</th><th>Tarikh Proses</th><th>Huraian Transaksi</th><th>Jumlah Tempatan(RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>20 SEP</td><td>21 SEP</td><td>Happy Shoes Outlet Singapura SIN</td><td>3.050.00</td></tr> <tr> <td>20 SEP</td><td>20 SEP</td><td>Fi DCC 1%</td><td>30.50</td></tr> </tbody> </table>	Tarikh Transaksi	Tarikh Proses	Huraian Transaksi	Jumlah Tempatan(RM)	20 SEP	21 SEP	Happy Shoes Outlet Singapura SIN	3.050.00	20 SEP	20 SEP	Fi DCC 1%	30.50
Tarikh Transaksi	Tarikh Proses	Huraian Transaksi	Jumlah Tempatan(RM)											
20 SEP	21 SEP	Happy Shoes Outlet Singapura SIN	3.050.00											
20 SEP	20 SEP	Fi DCC 1%	30.50											

7	<p>Saya dicaj fi DCC tetapi saya tidak pernah keluar negara.</p>	<p>Fi DCC ini mungkin dicaj bagi pembelian atau servis atas talian di mana laman sesawang tersebut dikendalikan oleh peniaga di luar negara. Jika peniaga menggunakan gerbang pembayaran luar negara, transaksi itu akan menjadi transaksi DCC jika jumlah pembelian di bilkan dalam Ringgit Malaysia (RM).</p> <p>Contoh:</p> <p>Pemegang kad tempah penginapan di laman sesawang AIRBNB. Harga di laman sesawang dipaparkan dalam Ringgit Malaysia (RM). Amaun muktamad transaksi tersebut yang akan dicaj pada kad pemegang kad adalah RM1,500.00. Berikutnya gerbang pembayaran peniaga dikendalikan di UK/Great Britain (GB), atau mana-mana Negara selain Malaysia, transaksi ini akan dikenali sebagai transaksi DCC.</p> <table border="1" data-bbox="676 552 2055 674"> <thead> <tr> <th data-bbox="676 552 900 595">Tarikh Transaksi</th><th data-bbox="900 552 1125 595">Tarikh Proses</th><th data-bbox="1125 552 1574 595">Huraian Transaksi</th><th data-bbox="1574 552 2055 595">Jumlah Tempatan(RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="676 595 900 638">20 SEP</td><td data-bbox="900 595 1125 638">24 JUL</td><td data-bbox="1125 595 1574 638">AIRBNB * HMAX 037-724-0164 GB</td><td data-bbox="1574 595 2055 638">1,500.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="676 638 900 674">20 SEP</td><td data-bbox="900 638 1125 674">24 JUL</td><td data-bbox="1125 638 1574 674">DCC FEE 1.0%</td><td data-bbox="1574 638 2055 674">15.00</td></tr> </tbody> </table>	Tarikh Transaksi	Tarikh Proses	Huraian Transaksi	Jumlah Tempatan(RM)	20 SEP	24 JUL	AIRBNB * HMAX 037-724-0164 GB	1,500.00	20 SEP	24 JUL	DCC FEE 1.0%	15.00
Tarikh Transaksi	Tarikh Proses	Huraian Transaksi	Jumlah Tempatan(RM)											
20 SEP	24 JUL	AIRBNB * HMAX 037-724-0164 GB	1,500.00											
20 SEP	24 JUL	DCC FEE 1.0%	15.00											